

Pemimpin OIC dihadiahkan al-Quran salinan tangan

UM 19 JUL 2003

SHAH ALAM 18 Julai — Pemimpin-pemimpin Islam yang menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya pada Oktober ini akan dihadiahkan al-Quran salinan tangan yang bermutu tinggi hasil kerja anak tempatan.

Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa berkata, yayasan itu akan menyediakan 1,000 naskhah khas kitab suci itu manakala bekasnya yang dianggar bernilai RM3,000 setiap satu akan disediakan oleh Syarikat Mariwangsa.

“Al-Quran itu akan menampilkan ayat suci yang disalin indah dengan tulisan tangan anak tempatan berkemasan emas di atas kertas bermutu tinggi yang dihiasi seni tampak Islam mengikut warisan negeri-negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas perasmian al-Quran Mushaf Malaysia Taba'ah Ain At-Taqwa Cetakan Koleksi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kompleks Taman Seni Islam-Nasyrul Quran di sini hari ini.

Taba'ah Ain At-Taqwa bermaksud mata air, menjadi sumber motif seni khat dan zukhruf (ragam hias) manuskrip al-Quran Mushaf Malaysia ini.

Al-Quran Mushaf Malaysia Cetakan Koleksi ini unik kerana mempunyai 315 zukhruf berbeza bentuk dan wama, menjadikannya setaraf koleksi antarabangsa. Ia dikatakan menyamai cetakan koleksi terdahulu seperti Mushaf Ruzbihan (Iran) dan Mushaf Istiqlal (Indonesia).

Yayasan Restu yang merupakan organisasi bukan berasaskan keuntungan, juga telah menghasilkan pelbagai penerbitan dan manuskrip antaranya Juz 'Amma Ma'aarij Tilawah al-Quran, al-Quran Mushaf Malaysia Taba'ah Ma'aarij Al-Jamal Cetakan Awam, al-Quran Mushaf Bibi (wakaf untuk kegunaan umat Islam) dan al-Quran Mushaf Nur Fatimah (mushaf salinan tangan oleh muslimat).

Selain itu, yayasan tersebut juga menghasilkan senaskhah al-Quran Mushaf Dr. Mahathir yang menampilkan motif seni khas dan hias mengikut rumah Perdana Menteri di Alor Setar, Kedah. Sebagai penghargaan kepada sumbangan beliau “selaku pemimpin negara Islam.

Dr. Latif berkata, pendekatan yayasan itu ialah berdakwah melalui seni Islam dan pihaknya berharap usaha tersebut dapat membangunkan wajah tamadun Islam di rantau ini.

Menurutnya setakat ini, pihaknya menerima undangan mengadakan pameran al-Quran Mushaf Malaysia dari Muzium London dan percaya langkah itu dapat merealisasikan hasrat membangunkan semula warisan budaya Islam yang murni ke peringkat antarabangsa.